


Apa yang tersirat dalam

DR. SYED HUSSEIN ALATTAS

Menulis



Mr. M. 29 NOV 1992

DALAM amanatnya sebagai Presiden UMNO pada Perhimpunan Agung Tahunan UMNO di Kuala Lumpur, 6 November 1992, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad telah mclukiskan keadaan sedih yang dihadapi oleh dunia Islam akibat daripada kemunduran di pelbagai bidang.

Sebab yang dititik-beratkan oleh Dr. Mahathir adalah kecenderungan golongan tertentu mentafsirkan ajaran Islam mengikut kepentingan diri. Dalam proses merebut dan mengekalkan kekuasaan golongan yang berkepentingan ini membiarkan keadaan mundur berterusan di dunia Islam walaupun terdapat jumlah penduduk, luas kawasan dan sumber-sumber alam yang amat memuaskan.

Seterusnya Dr. Mahathir berkata: "Sejarah telah membuktikan bahawa di bawah kepimpinan pemimpin-pemimpin Islam yang berwibawa, bijak dan berpengetahuan, umat Islam dapat mendirikan tamadun yang tinggi. Di zaman kegemilangan Islam, bukan sahaja kajian yang mendalam dibuat berkenaan hukum-hakam Islam yang menyentuh segala bidang dunia dan akhirat, tetapi juga ilmu-ilmu sains, perubatan, pentadbiran, undang-undang, pertahanan, pelayaran dan berbagai-bagai lagi dikaji dan diterokai sehingga orang Islam mendahului orang lain di dunia."

Tamadun Islam

Memang benar bahawa yang besar pengaruh dalam meningkatkan kemajuan adalah golongan berkuasa yang memimpin masyarakat atas dasar yang baik dan sikap yang ikhlas untuk mencapai kemajuan. Pencapaian tinggi tamadun Islam telah berlaku di bawah pimpinan Khalifah Bani Abbas, al-Mansur, Harun al-Rashid dan al-Mamun dalam jangka masa kira-kira 80 tahun. Rata-rata mereka berkuasa 20 tahun. Al-Mamun yang menjadi khalifah dari tahun 813 hingga 833 Masehi, melalui perang saudara yang sengit telah membentuk suatu pusat ilmiah, Bayt al-Hikmah, dengan sekolah-sekolah, suatu perpustakaan yang besar, gedung perhati bintang diikuti dengan usaha terjemahan bahan ilmiah dan falsafah dari sumber Yunani, Aramik dan Parsi ke bahasa Arab.

Galakan dari pihak yang berkuasa semacam inilah yang sangat berkesan. Dalam sejarah Islam di Sepanyol juga halini terjadi. Demikian juga di Eropah Barat. Galakan daripada istana memajukan seni, muzik dan ilmu sains yang seterusnya rnebesarkan peranannya dalam masyarakat. Demikian juga dalam sejarah Jepun di kurun ke-19. Kemajuan Jepun telah diberi dorongan yang kuat oleh pengaruhnya Raja Agung Meiji.

Kemajuan umat Islam hanya akan tercapai dengan

amanat Dr. Mahathir?

sumbangan seluruh golongan Islam termasuk raja-raja. Apakah peranan yang dapat dimainkan oleh raja-raja kita? Sebelum menjawab pertanyaan ini, ingin saya huraikan di sini pengalaman saya yang tak akan dilupakan. Sekitar tahun 1954, saya berada di Amsterdam, Negeri Belanda, selaku mahasiswa (*post-graduate*) di Fakultas Politik dan Sains Sosial, Universiti Amsterdam. Pada masa itu jugasaya menerbitkan majalah bulanan Inggeris bagi dunia Islam bernama *Progressive Islam*.

Isinya berkenaan ikemajuan dunia Islam dan pembangunan masyarakat serta pertumbuhan intelektual.

Pada suatu hari saya menerima jemputan daripada Ratu Juliana, raja perempuan Negeri Belanda, untuk hadir dua malam, di Istana Loo. Baginda Ratu Juliana acap kali mengadakan pertemuan, kira-kira 20 orang para sarjana daripada Negeri Belanda dan Eropah. Salah seorang yang hadir di situ ialah Salvador Madariaga, seorang ahli falsafah yang terkenal dari Spain. Saya dijemput kerana minat saya dalam pertumbuhan intelektual dunia Islam.

Baginda Ratu hadir seperti peserta dan tuan-rumah biasa selama dua hari, mendengar segala perbincangan mengenai pelbagai masalah falsafah, sejarah dan sebagainya. Waktu santapan tengah hari baginda melayan para peserta sebagai tuan-rumah. Saya menerima semangkuk sup dari tangannya sendiri. Yang bercakap dengannya

menggelar baginda (*Mevrouw*), dalam bahasa Inggeris 'Missus' (*Mevrouw*) dalam bahasa Belanda adalah gelaran biasa untuk wanita yang telah bersuami.

Kembali di rumah setelah pertemuan itu, mula saya menyedari mengapa Ratu Juliana sangat disayangi dan dihormati oleh rakyat Belanda.

Baginda juga hadir dalam perbincangan khusus antara mahaguru-mahaguru Belanda. Dengan ini baginda menggalakkan usaha-usaha ilmiah, serta menambah pengertiannya tentang pelbagai soal. Raja-raja di Eropah Barat boleh dijadikan contoh bagi umat Islam dewasa ini, bukan raja-raja dari negara Islam. Mengapa tidak?

Raja-raja negara Islam luar Malaysia, tidak bersemayam di bawah sistem demokrasi berparlimen. Tidak ada satupun raja di benua Islam yang dapat dianggap sebagai contoh dari segi peranannya dan kedudukannya dalam perlembagaan, sedangkan raja-raja di Eropah Barat adalah satu-satunya contoh yang terbaik.

Contoh terbaik

Kembali pada pertanyaan kita, apa yang dapat dilakukan oleh raja-raja kita? Pertama sekali dapat diadakan majlis-majlis perbincangan ilmiah di istana sebagaimana diselenggarakan oleh Ratu Juliana. Kedua adakan anugerah khusus bagi pencapaian ilmiah. Dewasa ini anugerah-anugerah banyak diberikan pada pegawai kerajaan, orang-orang dagang dan industri dan sebahagian kecil penyanyi dan pemain filem. Sarjana-sarjana ilmiah yang dimaksudkan adalah yang benar-benar menyumbang dalam bidang ilmiah bukan yang berpangkat dalam institusi akademik. Anugerah yang demikian ini lain dasarnya. Sebagaimana di England, Ratu Elizabeth memberi anugerah khusus untuk pencapaian ilmiah kepada sarjana-sarjana tanpa pangkat dalam institusi akademik.

Ini hanya sebagai penghargaan daripada pihak yang berpengaruh dalam masyarakat. Sarjana yang sejati tidak akan digerakkan jiwanya oleh harapan mendapat anugerah. Yang penting adalah sambutan baik dari masyarakat, bukan pingat di dada tetapi semangat di dada.